



UNTUK SIARAN
SEGERA

SIARAN MEDIA

GLOMAC CATAT KEUNTUNGAN LEBIH TINGGI SEBANYAK RM341 JUTA BAGI TK2023

Dividen Akhir Diluluskan Sebanyak 1.25 Sen Untuk TK23

Kuala Lumpur, 25 Oktober 2023 – Glomac Berhad (“Glomac atau Kumpulan”), sebuah pemaju harta tanah yang terkemuka, dengan suka ciptanya memuktamadkan Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”) ke-39 yang diadakan hari ini. Pada mesyuarat tersebut, pemegang saham Glomac Berhad telah meluluskan dividen peringkat tunggal sebanyak 1.25 sen sesaham biasa untuk tahun kewangan yang berakhir 30 April 2023 (“TK23”). Ini diterjemahkan kepada hasil dividen kira-kira 3.9 peratus (berdasarkan harga penutupan 32 sen pada 30 April 2023).

Pada TK23, Kumpulan mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM50.5 juta dan keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat (“PATAMI”) sebanyak RM31.5 juta. Ini dicapai berdasarkan hasil sebanyak RM341.0 juta, pertumbuhan 31 peratus berbanding RM259.5 juta yang dilaporkan pada TK22. Pertumbuhan yang lebih kukuh didorong terutamanya oleh aktiviti pembinaan berterusan, termasuk fasa pembangunan terkini di perbandaran Saujana Perdana di Sungai Buloh, serta Plaza@Kelana Jaya dan 121 Residences, dua pembangunan kediaman bertingkat tinggi di daerah Petaling Jaya – Damansara.

Glomac mencatatkan jualan yang memberangsangkan dengan lonjakan 89 peratus kepada RM302 juta pada akhir April 2023. Peningkatan jualan baharu dikaitkan dengan penawaran produk Glomac yang kukuh serta dipacu inisiatif jualan yang mendapat sambutan yang memberangsangkan. Penjualan baharu diperolehi melalui projek di kawasan pembangunan yang terbukti kejayaannya seperti kediaman perbandaran Saujana Perdana, Saujana Utama 5, dan Saujana KLIA, serta Plaza@Kelana Jaya dan 121 Residences.

Jualan belum dibil juga meningkat kepada RM528 juta pada akhir April 2023, dan ini membuktikan wujudnya potensi pendapatan yang sihat. Untuk masa hadapan, Glomac bertekad terus menepati jadual pembinaannya, serta memastikan kelancaran dan ketepatan masa penyerahan rumah kepada pembeli untuk kesemua projek yang sedang berjalan.

Kedudukan kewangan Glomac terus menunjukkan perkembangan yang sihat. Setakat 30 April 2023, wang tunai dan baki bank terus meningkat kepada RM288.8 juta daripada RM215.4 juta tahun lepas. Penggearan bersih bertambah baik kepada 0.16 kali berbanding 0.23 kali pada tahun lepas. Aset bersih sesaham yang boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat meningkat lebih tinggi kepada RM1.53 pada TK23 daripada RM1.51 pada tahun sebelumnya.

Perancangan Masa Hadapan

Glomac akan meningkatkan aktiviti pembangunan dengan pelancaran projek-projek baharu bernilai RM700 juta pada tahun kewangan ini. Antara pelancaran projek baharu yang dinantikan adalah penampilan sulung Loop City Puchong. Projek ini adalah pembangunan kediaman bersepadu terkini Glomac dengan jumlah anggaran Nilai Pembangunan Kasar (“GDV”) sebanyak RM1.57 bilion. Fasa pertama akan merangkumi SoHos dan pangsapuri servis dengan anggaran GDV sebanyak RM338 juta.

Glomac memiliki portfolio yang kukuh serta pembangunan simpanan tanah (landbank) yang strategik dengan anggaran nilai GDV hampir RM8 bilion. Projek Glomac yang sedia ada di Johor bakal mendapat manfaat kesan pemangkin dari rancangan kerajaan Negeri Johor untuk meningkatkan aktiviti ekonomi - seperti cadangan memperkenalkan zon kewangan khas di Forest City serta kemungkinan pemulihan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (“HSR”) dari Kuala Lumpur ke Singapura. Projek pembangunan perbandaran Sri Saujana dan Saujana Jaya Glomac di Johor mempunyai 238 ekar tanah dengan potensi GDV sebanyak hampir RM800 juta.

GLOMAC BERHAD
25 Oktober 2023

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Azwan Kimori
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat
azwan@glomac.com.my
Talian: 03 7723 9046

Nurin Mastura
Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat
nurin@glomac.com.my
Talian: 03 7723 9056

Glomac Berhad

Sejak 1995, Glomac adalah sinonim dengan projek hartanah yang bernilai tinggi dengan rekabentuk tersendiri. Sebagai pemaju hartanah yang telah memenangi pelbagai anugerah projek pembangunan di KL, Selangor dan Johor, kami menawarkan produk perumahan bertingkat (high-rise), atas tanah (landed) serta unit komersil sebagai pilihan terbaik untuk tujuan berkediaman dan pelaburan. Glomac Berhad berhasrat untuk terus menawarkan rumah mampu milik untuk bakal pembeli kami dan keluarga mereka dengan mengutamakan ciri-ciri keselesaan, keselamatan dan kemudahan.